

# KERATAN AKHBAR

## BERITA HARIAN

17 JUN 2021 ( KHAMIS )

### MUIP bantu komuniti lorong Wong Ah Jang

**Kuantan:** Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang (MUIP) menyediakan peruntukan RM144,300 untuk membantu komuniti lorong Wong Ah Jang, di sini yang terkesan dengan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) tahun ini.

Kawasan berkenaan yang terletak di tengah pusat bandar Kuantan sebelum ini begitu terkenal dengan pelbagai kegiatan tidak bermoral, selain penagihan dadah dan pusat hiburan.

Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Baitulmal dan Operasi) MUIP, Dr Asmadi Abdul Rahman, berkata peruntukan berkenaan disediakan dalam tempoh lima bulan tahun ini membabitkan antaranya penyediaan juadah berbuka puasa dan sumbangan duit raya.

Katanya, bantuan lain turut disediakan kepada komuniti lorong Wong Ah Jang ialah menyediakan makanan ketika PKP, sumbangan peralatan memasak, pemberian baju raya dan makanan untuk sarapan.

“Kita perlu membantu komuniti berkenaan kerana mereka sedang dalam kesempitan hidup, pada masa sama sewa bilik perlu dibayar dan keluarga perlukan makanan setiap hari,” katanya selepas mengagihkan sarapan kepada komuniti lorong Wong Ah Jang, di sini, kelmarin.